

MENGGIATKAN SEJARAH LISAN SEBAGAI MEDIUM PEMULIHARAAN SUMBER SEJARAH: CABARAN DAN TUNTUTAN*

Nadzan Haron**

Abstrak

Makalah ini membincangkan peranan sejarah lisan sebagai medium penting dalam pemuliharaan sumber sejarah serta sumbangannya dalam memantapkan sejarah sebagai ilmu terapan. Penulis berhujah bahawa kebergantungan berlebihan terhadap sumber bertulis telah mewujudkan jurang dalam pensejarahan Malaysia, khususnya dalam merakam pengalaman pelaku sejarah, saksimata, dan golongan masyarakat bawahan. Sejarah lisan ditampilkan sebagai kaedah penyelidikan yang sistematik dan berdisiplin, melibatkan keterangan proto, keterangan saksimata, dan tradisi lisan terkawal, yang berfungsi melengkapkan serta menguji kesahihan sumber bertulis sedia ada. Makalah ini turut meneliti cabaran utama dalam pendokumentasian sejarah lisan, termasuk kehilangan pelaku dan pemegang tradisi, kemerosotan ingatan akibat faktor masa, kekangan kewangan, kekurangan tenaga terlatih, serta kesan perkembangan teknologi komunikasi terhadap kepupusan sumber sejarah konvensional. Melalui rujukan kepada peristiwa-peristiwa penting seperti zaman pendudukan Jepun, Darurat, dan peristiwa politik pasca-kolonial, penulis menegaskan keperluan mendesak untuk menggiatkan usaha pendokumentasian sejarah lisan. Sejarah lisan, menurut makalah ini, bukan sahaja berfungsi sebagai alat pemuliharaan warisan sejarah, tetapi juga sebagai wahana sejarah awam yang menyumbang kepada pemahaman sejarah yang lebih menyeluruh, adil, dan relevan kepada pembentukan dasar negara.

Kata Kunci: *Sejarah Lisan, Pemuliharaan Sumber Sejarah, Pensejarahan Malaysia, Ilmu Terapan, Sejarah Awam*

Abstract

This article examines the role of oral history as a vital medium for preserving historical sources and strengthening history as an applied discipline. It argues that excessive reliance on written records has created gaps

* Makalah ini dibentangkan pada Sidang Kemuncak Sejarah Malaysia, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, 17 Disember 2013 di Kuala Lumpur.
** Dato' Dr. Nadzan Haron ialah Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia.

in Malaysian historiography, particularly in capturing the experiences of historical actors, eyewitnesses, and grassroots communities. Oral history is presented as a systematic and disciplined research methodology encompassing proto testimony, eyewitness accounts, and controlled oral traditions, which serve to complement and critically assess existing written sources. The article also highlights key challenges in oral history documentation, including the loss of historical actors and tradition bearers, memory deterioration over time, financial constraints, the shortage of trained personnel, and the impact of modern communication technologies on the disappearance of conventional historical records. By referencing significant historical episodes such as the Japanese Occupation, the Emergency, and post-colonial political developments, the study underscores the urgent need to expand oral history initiatives. It concludes that oral history functions not only as a tool for preserving historical heritage but also as a form of public history that enables communities to record their own experiences, thereby contributing to a more inclusive, balanced, and policy-relevant understanding of the national past.

Keywords: Oral History, Preservation of Historical Sources, Malaysian Historiography, Applied History, Public History

Pengenalan

Perbincangan bagi tajuk kertas ini adalah tidak menumpukan sepenuhnya kepada aspek pengetahuan murni sebaliknya memberikan perhatian kepada bagaimana sejarah lisan dapat difungsikan sebagai alat atau medium memantapkan kedudukan sejarah sebagai ilmu terapan yang mampu berperanan dalam penyelesaian permasalahan praktikal secara berkesan. Sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga kini berbagai masalah kenegaraan dan kewarganegaraan telah dihadapi sehingga pernah menggugat kestabilan dan pernah mengakibatkan pertumpahan darah. Sehingga kini beberapa undang-undang yang bersifat drastik telah dikuatkuasakan demi untuk menangani keadaan. Isu pokok kepada permasalahan yang berterusan ini adalah suara-suara yang mempersoalkan perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan khasnya isu kewarganegaraan, status Bumiputera-Bukan Bumiputera, kedudukan Raja-Raja Melayu, Hah Istimewa, Islam sebagai Agama Rasmi, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Dasar Pelajaran. Terdapat tuntutan yang keterlaluan mungkin kerana kejahilan tentang fakta sejarah atau mungkin menolak fakta-fakta berkenaan dengan sengaja. Terdapat desakan mengkaji semula kontrak sosial yang dibuat dan mendakwa orang Melayu adalah juga pendatang. Sejarah haruslah juga dijadikan teras kepada penyelesaian isu-isu berkenaan.

Latar belakang sejarah negara perlu difahami kerana Perlembagaan Persekutuan yang digubal adalah berpanduan sejarah yang dilalui bermula dari pengiktirafan Negeri-Negeri Melayu sebagai negeri-negeri yang berdaulat. Kedaulatan ini diiktiraf oleh kuasa-kuasa luar khasnya British seperti yang dilambangkan dalam setiap persetiaan atau perjanjian yang ditandatangani antara Raja-Raja Melayu dengan English East India Company dan kemudiannya Kerajaan British. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah juga

berasaskan Perjanjian yang ditandatangani antara Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British. Perjanjian yang menjadi Perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu di bawah naungan Kerajaan British itu mengiktiraf kedudukan Raja-Raja Melayu, kedudukan orang Melayu sebagai warga asal serta peruntukan hak-hak mereka. Perlembagaan Persekutuan 1957 adalah Kontrak Sosial yang tercapai antara *tripatriate parties* iaitu pemimpin-pemimpin yang mewakili Melayu, Cina dan India, Raja-Raja Melayu dan Kerajaan British. Bagi pihak Kerajaan British perkara-perkara berkenaan adalah pengiktirafan keatas kedaulatan Negeri-Negeri Melayu, kedaulatan Raja-Raja Melayu dan pengiktirafan keatas Orang Melayu sebagai Bumiputera serta hak-hak istimewa mereka seperti yang terkandung dalam Federation of Malaya Agreement 1948. Secara langsung perkara-perkara berkaitan juga mendapat pengiktirafan pemimpin-pemimpin yang mewakili kaum Cina dan India. Pemberian kerayaan kepada Bukan Melayu dan jaminan keatas hak dan kepentingan mereka sebagai warganegara adalah balasan kepada pengiktirafan berkenaan. Secara langsung kedudukan warganegara sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera adalah sama kecuali hak-hak Bumiputera seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Sebagai renungan dalam mengasaskan destinasi Negara Tunku Abdul Rahman menjelaskan:

... orang Melayu sedia memberikan hak-hak yang munasabah dan patut kepada orang-orang bukan Melayu. Orang Melayu telah memberikan pengorbanan yang begitu banyak daripada hak-hak sebagai bumiputera Tanah Melayu kepada bangsa-bangsa bukan Melayu. Belum ada satu bangsa anak negeri yang berbudi sebegitu banyak seperti yang telah diperbuat oleh orang Melayu. Sungguhpun ada jaminan hak-hak istimewa Melayu dalam Perjanjian Persekutuan, tetapi ini tidak sesekali mencegah dan menyekat bangsa-bangsa yang bukan Melayu daripada mencapai kesenangan dan kejayaan....(Malaya Merdeka, 26 April 1956)

Sejarah memainkan peranan besar sebagai asas kepada perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar yang telah dipersetujui bersama. Adalah lumrah bagi kaum minority dalam mana-mana Negara memperjuangkan hak kedudukan sama rata dengan kaum majority, namun bagi negara ini tuntutan itu hendaklah berlandaskan perlembagaan. Adalah menjadi tanggungjawab sejarawan menghasilkan penyelidikan yang mantap supaya kajian mereka mampu dijadikan sebagai wadah bagi mencari penyelesaian secara rasional. Analisis penyelidikan sejarah yang mantap adalah berasaskan data-data sumber sejarah yang komprehensif. Sumber sejarah bukan saja terhad kepada sumber tertulis dan objek-objek yang nyata tetapi meliputi juga sumber lisan. Kini semua pemimpin-pemimpin yang terlibat dalam rundingan kontrak social tersebut telah tiada lagi, kepada pengkaji sejarah adalah suatu kehilangan besar kerana tiada sebarang usaha pendokumentasian kenangan tokoh-tokoh yang terlibat dapat dilaksanakan.

Apakah Sejarah Lisan

Sejarah lisan adalah kaedah penyelidikan serta teknik yang digunakan bagi pendokumentasian keterangan lisan (*oral history research and technique*). Ia adalah medium pemuliharaan keterangan lisan sebagai sumber sejarah. Keterangan lisan yang telah didokumentasikan mengikut kaedah penyelidikan dan teknik sejarah lisan ini dinamakan transkrip sejarah lisan.

Tiada takrif sejarah lisan yang eksklusif.¹ Secara umumnya sejarah lisan adalah suatu daripada kaedah penyelidikan sejarah, kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam mengumpul sumber sejarah (saksi kepada sejarah) berbentuk lisan sebagai suatu cara bagi melengkapkan rekod tertulis yang dirujuk. Menyedari pentingnya keterangan lisan itu sebagai sumber sejarah akhirnya membawa kepada pengenalan kaedah dan teknik pendokumentasian sebagai medium pemuliharaan keterangan lisan sebagai sumber sejarah. Kaedah pendokumentasian ini membantu seseorang mencapai objektif menghasilkan rakaman dan transkrip sejarah lisan yang mempunyai nilai sumber sejarah yang baik. Tujuan adalah untuk menjaga kesahihan *validity*, ketulinan (*authenticity*), ketepatan maklumat yang dikisahkan *kredibiliti*, *reliability* dan *plausibility* keterangan lisan berkenaan yang sering dipersoalkan sebagai sumber sejarah. Kaedah ini terbahagi kepada tiga peringkat meliputi penyelidikan latar belakang tentang tajuk peristiwa dan tokoh, penyediaan panduan pengkisahan, rakaman wawancara atau pengkisahan dan memproses rakaman untuk penyediaan transkrip sejarah lisan. Kaedah pendokumentasian ini juga sesuai digunakan bagi pengumpulan tradisi lisan tentang sejarah, system social, system nilai, system politik, undang-undang dan budaya bagi sesuatu masyarakat.

Proses evolusi yang dilalui oleh keterangan lisan membezakannya kepada empat kategori iaitu, keterangan proto atau keterangan saksimata, keterangan katadengar, keterangan tradisi lisan terkawal dan tidak terkawal. Keterangan lisan yang didokumentasikan ini adalah keterangan proto, keterangan saksimata dan keterangan tradisi lisan terkawal.

Keterangan proto adalah keterangan dari individu yang terlibat atau yang mengalami dalam peristiwa-peristiwa sejarah yang dikaji. Keterangan proto meliputi juga kenangan atau pengalaman hidup (*life history/personal reminiscence*) seseorang tokoh yang memberi keterangan tentang peranan dan pengalaman yang dilalui sepanjang hayatnya. Seseorang penyelidik akan memperoleh keterangan ini melalui wawancara dengan pelaku atau tokoh yang berkaitan.

Keterangan saksimata adalah keterangan yang diberikan oleh seseorang tentang apa yang dia telah lihat atau saksikan tentang peristiwa sejarah yang dikaji. Pengkisah ini tidak mempunyai peranan dalam peristiwa berkenaan selain menjadi pemerhati atau saksimata. Keterangan ini berbeza daripada keterangan proto kerana pengkisah keterangan proto adalah pelaku yang terlibat secara langsung dalam peristiwa berkenaan. Manakala penutur keterangan saksimata tidak memainkan peranan dalam peristiwa berkenaan selain sebagai saksi atau pemerhati.

Keterangan Tradisi Lisan iaitu keterangan yang dikisahkan oleh individu pemegang tradisi adalah keterangan yang telah melalui proses transmisi penuturan dari mulut ke mulut dari satu generasi ke generasi berikutnya. Tradisi lisan mempunyai tiga ciri iaitu:

- a. Peristiwa/fakta dilaporkan oleh generasi ketiga dan generasi-generasi kemudiannya.
- b. Testimoni lisan dengan transmisi dari mulut ke mulut.
- c. Telah melalui suatu jaringan transmisi.

1 Lihat 'Definitions of Oral History' dlm. Proceedings of the National Colloquium on Oral History, 1966, h. 5-30.

Tradisi lisan ini dicipta sesuai dengan kaedah penyampaian secara lisan, dipertuturkan dari satu generasi ke satu generasi berikutnya. Penyampaiannya tergantung pada kekuatan ingatan seseorang penutur. Sama ada sesuatu tradisi lisan itu dikategorikan terkawal atau tidak ditentukan oleh bentuknya dan penuturannya. Tradisi lisan yang berbentuk puisi seperti perbilangan adat adalah tradisi lisan terkawal kerana versinya adalah sama. Perbilangan adat yang terdapat zaman dahulu adalah perbilangan adat yang sama terdapat dalam kalangan penutur-penutur tertentu hari ini. Tradisi lisan tidak terkawal berbentuk prosa dan mudah berubah dalam proses transmisi yang dilaluinya. Salasilah tentang kewujudan sesuatu institusi kini terdapat dalam banyak versi dan terdapat perbezaan kandungannya. Dari segi transmisi, tradisi lisan terkawal dituturkan oleh pemegang tradisi tertentu seperti ketua-ketua adat. Pusaka yang dipegang mewajibkannya mempelajari, menghafal dan mengguna pakainya dalam sesuatu istiadat yang berkaitan dengan tugas dan bidang kuasa yang dimiliki. Berbeza dengan tradisi lisan terkawal, tradisi lisan tidak terkawal tiada pemegang tradisi tertentu dan transmisinya bebas.

Sumber maklumat berkenaan bukannya meliputi cerita dongeng, umpatan gossip, khabar angin atau telahan orang *hearsay*. Keterangan proto, saksimata dan tradisi lisan terkawal adalah ingatan manusia tentang sejarah yang unik dan dapat memberitahu tentang peristiwa sebenar yang diakui menggambarkan ciri-ciri masyarakat ketika itu.

Sejarah Lisan Memantapkan Kedudukan Sejarah Sebagai Ilmu Penyelidikan Sejarah dan Objektifnya

Sejarah adalah kajian tentang peristiwa benar yang telah berlaku berasaskan fakta-fakta relevan yang dikaji secara amat teliti oleh penyelidik sejarah. Hasil kajian serta analisis yang baik adalah berasaskan sumber yang komprehensif. Oleh yang demikian sumber bagi penyelidikan sejarah tidak seharusnya bergantung kepada dokumen tertulis sahaja. Walaupun kini terdapat kepelbagaian jenis dan bentuk maklumat, masih banyak lagi maklumat berpotensi yang terdapat pada sumber keterangan lisan. Sumber maklumat ini masih terpendam dalam minda individu samaada seorang saksimata, seorang pelaku atau seorang penyimpan tradisi. Mereka yang masih hidup menyimpan banyak maklumat dalam pelbagai peristiwa yang mereka lalui, saksikan atau pelajari.

Penyelidik sejarah memainkan peranan mencari dan memilih sumber sejarah yang mengandungi fakta-fakta yang diperlukan bagi kesaksian kepada kesahihan peristiwa berkenaan. Sumber sejarah merujuk kepada bahan-bahan sejarah yang wujud dalam peristiwa-peristiwa masa lalu. Sumber sejarah adalah dalam bentuk rekod bertulis, keterangan lisan, tinggalan-tinggalan petempatan zaman lampau, prasasti, serta apa jua keterangan dan objek yang boleh menerangkan tentang kewujudan peristiwa sejarah manusia sejak zaman dahulu.

Sumber lisan adalah keterangan tidak bertulis mengenai sesuatu peristiwa yang telah berlaku, mengenai sesuatu ciptaan masa lampau, dan juga naratif mengenai perkara atau pengalaman seseorang dalam peristiwa tertentu. Keterangan lisan ini diperoleh melalui wawancara sama ada dengan pelaku, saksimata, pendengar atau seseorang yang mengetahui tentang sesuatu peristiwa, perkara atau yang mengenali tokoh yang dikaji. Keterangan lisan itu termasuklah keterangan yang masih belum dirakamkan, atau yang sedia terdapat dalam rakaman, atau yang telah didokumentasikan iaitu transkrip sejarah lisan. Sumber lisan

meliputi juga tradisi lisan yang boleh diperoleh daripada pengkisah, seorang pemegang tradisi masyarakat yang dianggotainya.

Keterangan Lisan Sebagai Sumber Sejarah

Keterangan lisan memainkan peranan yang penting sebagai sumber sejarah. Keterangan proto dan saksi mata merupakan dua keterangan lisan yang penting untuk mengkaji sesuatu peristiwa yang baru berlaku. Keterangan ini sekiranya diperoleh melalui kaedah pendokumentasian tertentu berperanan sebagai pelengkap kepada sumber bertulis, pengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber bertulis. Keterangan yang terdapat dalam sesuatu sumber bertulis itu adalah apa yang difikirkan penting oleh pelapornya. Ini dilakukan berasaskan pemilihan pelapor dan tidak merupakan sesuatu yang komprehensif. Banyak lagi keterangan lanjut yang diperlukan. Seorang penyelidik boleh mendapatkan keterangan yang lebih lanjut dari pelaku atau seorang saksi mata.

Keterangan tradisi lisan terkawal adalah sumber terpenting bagi kajian tentang masyarakat zaman tradisional dan juga masyarakat tertentu kini.. Keterangan tradisi lisan juga merupakan antara sumber terpenting dalam mengkaji kesinambungan budaya dahulu dan kini. Seseorang pengkaji boleh mengetahui pelbagai bidang sejarah masyarakat berkenaan, sistem politik dan sosial yang diamalkan, undang-undang dan peraturan yang digunapakai dan sebagainya melalui kajian terhadap tradisi lisan yang terdapat. Dengan ketiadaan sumber tradisi lisan ini, sejarah masyarakat berkenaan tidak mungkin dapat ditulis.² Hasil kajian yang dibuat, tradisi lisan adalah sumber terpenting bagi sejarah sosial, sistem politik, sistem ekonomi, perlembagaan dan sistem perundangan masyarakat tradisional Negeri Sembilan.³ Tradisi lisan yang terdapat masih relevan sebagai sumber bagi kajian sejarah masyarakat Melayu Negeri Sembilan hari ini. Bahkan sebahagian kandungan Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan hari ini adalah Perlembagaan Adat yang merupakan tradisi lisan terkawal yang telah disalin kepada bentuk tulisan.⁴ Tanpa merujuk kepada tradisi lisan yang terdapat sama ada naratif sejarah atau perbilangan adat seorang pengkaji tidak mungkin dapat memahami keindahan system pemilihan yang diamalkan demi untuk mendapatkan seorang pemimpin yang terbaik bermula dari peringkat bawah sehingga ke peringkat atasan. Dengan merujuk kepada tradisi lisan yang terdapat seorang pengkaji akan mengetahui system raja berperlembagaan dan pemerintahan berasaskan perlembagaan bukanlah suatu yang asing dalam system politik adat yang diamalkan oleh masyarakat tradisional Negeri Sembilan dahulu.⁵

Sesuatu projek pendokumentasian sejarah lisan yang berjaya dilaksanakan dengan baik dapat memainkan peranan sebagai sumber bagi menghasilkan penyelidikan yang baik. Rakaman dan transkrip yang dihasilkan ini adalah pelengkap kepada sumber bertulis kerana

-
- 2 Sebagai contoh lihat penulisan: W.E. Maxwell, *The Law and Custom of the Malays with Reference to the Tenure of Land; The Negri Sembilan: Their Origin and Constitution*, oleh Martin Lister; Inas: A Study of Local History, oleh Diane Lewis; dll.
 - 3 Nadzan Haron, *A Survey of Oral Tradition as Historical Source in the Study of Negeri Sembilan*, *AKADEMIKA* No. 24, 1984: 83-97.
 - 4 Bab 2 hingga Bab 7, *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959*.
 - 5 Nadzan Haron, *Oral Traditions As Living Documents In Negeri Sembilan: From Memory To Reality*. *Proceedings of International Seminar On Oral Traditions*, Tanjung Pinang, Indonesia, 23-26 May, 2012.

tidak semua peristiwa yang berlaku itu meninggalkan keterangan bertulis yang lengkap. Dalam keadaan tertentu terdapat sumber bertulis yang menimbulkan keraguan dan pandangan sebelah pihak. Sejarah lisan dapat memainkan peranan sebagai sumber tambahan untuk menghasilkan kajian yang mendalam dan mantap. Secara langsung akan memantapkan kedudukan sejarah sebagai ilmu terapan yang mampu berperanan dalam menyelesaikan permasalahan praktis secara berkesan.

Dalam konteks sejarah yang dilalui Malaysia adalah sebuah negara membangun dan sebuah negara membangun sentiasa melalui proses perubahan institusi asas dan struktur masyarakat berhubung dengan sfera politik, sosial dan ekonomi. Malaysia seperti negara-negara bekas tanah jajahan yang lain menghadapi banyak masalah dalam usaha membina identiti bangsa. Masyarakat majmuk yang diasaskan oleh dasar penjajahan banyak menimbulkan halangan kearah pembentukan negara bangsa. Rakyat perlu didedahkan kepada sejarah yang sebenar, kebenaran hakiki tidak mungkin tercapai berasaskan sumber tertulis sahaja. Dalam usaha mencari kebenaran sejarah siapakah pengasas Kuala Lumpur dokumen tertulis yang dirujuk ternyata tidak memberikan jawapan yang sebenarnya. Kajian keterangan lisan yang dikisahkan oleh Abdullah Hukum pada tahun 1935 membuktikan Sutan Puasa adalah pengasas Kuala Lumpur dan bukannya Yap Ah Loy seperti yang didakwa oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.⁶

Antara lain beliau meriwayatkan, *Kuala Lumpur pada masa itu (1850) sibuk cara zaman dahulu. Ada dua lorong sahaja iaitu Java Street dan Market Street sekarang. Manakala Ampang Street (Lorong Ceti) yang ramai sekarang ini masih kolam ikan dipunyai oleh Almarhum Sutan Puasa. Orang yang berniaga menjual kain-kain dan makanan semuanya orang Melayu, dan ketuanan masa itu ialah Sutan Puasa dan Raja Bilah Kedua-dua-dua ketua ini mengutip hasil dagangan*

Beliau menggambarkan sebelum kedatangan Raja Abdullah pada tahun 1857, Hiew Siew dan Ah Sze pada tahun 1859 dan Yap Ah Loy pada tahun 1862, dan sebelum bermulanya pentadbiran British pada tahun 1876 telah wujud petempatan di bawah pentadbiran tradisional di Kuala Lumpur dan sekitarnya di Hulu Klang dan Cheras.

Pengkaji yang membuat penyelidikan tentang mana-mana episode peristiwa sejarah khassnya Zaman Jepun akan menghadapi masalah mendapatkan sumber tertulis. Kebanyakan peristiwa yang dilalui sejak Disember 1941, peristiwa yang berlaku tidak keseluruhannya terlapor dalam dokumen tertulis. Terdapat juga peristiwa yang berlaku tidak meninggalkan rekod kerana rekod tentera telah terlebih dahulu dimusnahkan sebelum Jepun menyerah diri.

Tidak ramai generasi muda yang mengetahui tentang keganasan Pemerintahan Bintang Tiga selama empat belas hari. Sumber tertulis tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa itu hampir tiada didapati. Sumber bertulis tentang pergaduhan di Batu Kikir, Batu Pahat, Sungai Manik dan beberapa peristiwa lain lagi tidak terlapor dengan tepat dan menyeluruh. Ketiadaan sumber tertulis yang mencukupi menyebabkan perkara berkenaan tiada mendapat perhatian penyelidik namun peristiwa-peristiwa itu adalah kebenaran sejarah. Peristiwa-peristiwa ini memberi kesan yang besar ke atas perhubungan kaum.

Bagi zaman Pentadbiran Tentera British rekod-rekod yang terdapat adalah tidak lengkap. Disamping itu, terdapat pula rekod yang tidak menggambarkan yang sebenar seperti

6 Nadzan Haron &LL, Tokoh-Tokoh Kuala Lumpur, PSMWPKL, 2010.

laporan MacMichael tentang isu Malayan Union. Perjuangan politik Melayu selepas British kembali semula memerintah Tanah Melayu tidak dilaporkan dengan sebenarnya dalam sumber tertulis yang terdapat, khasnya tentang perjuangan golongan nasionalis seperti Parti Nasionalis Melayu yang menentang penjajahan melalui kerjasama dengan golongan nasionalis Indonesia. Sesungguhnya perjuangan mereka turut memberi impak yang besar dalam sejarah yang dilalui.

Pada zaman darurat segala laporan tertulis yang terdapat adalah hasil laporan pemerintah British dan kebanyakan bertujuan untuk propaganda. Bahkan akhbar-akhbar tempatan adalah tertakluk kepada penapisan pemerintah. Hal yang demikian menjadikan kajian yang berat sebelah dan tidak menggambarkan yang sebenar sekiranya penyelidik bergantung kepada sumber bertulis sahaja.

Bagi kajian peristiwa-peristiwa sejarah yang lain, terdapat keterangan tertulis tetapi tidak menyeluruh, terdapat pula keterangan tertulis yang banyak menimbulkan tanda tanya, dan terdapat pula keterangan tertulis yang merupakan pandangan sebelah pihak. Situasi seperti ini jelas dalam menjalankan kajian ke atas peristiwa-peristiwa yang berlaku zaman konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia, peristiwa-peristiwa terpencil pergaduhan kaum, Peristiwa 13 Mei 1969, dan Peristiwa Memali 1986. Pengkaji akan menghadapi masalah kekurangan sumber tertulis yang terdapat, keterangan yang boleh diragukan kebenarannya dan sebagainya lagi. Sumber tertulis tentang Peristiwa Memali yang terdapat adalah hasilan suatu pihak iaitu pihak berkuasa yang mempertahankan tindakannya sebagai wajar dan jalan yang terbaik bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ini termasuklah apa yang terlapor didalam akhbar kerana ketika itu tahap kebebasan akhbar masih rendah, apatah lagi agensi berita adalah milik parti yang berkuasa. Sebarang kajian yang dihasilkan berdasarkan sumber tertulis yang dibuka kepada seorang penyelidik akan menghasilkan suatu kajian yang lemah. Analisis yang dibuat berdasarkan sumber yang terhad adalah suatu analisis yang kurang tepat dan tidak menyeluruh. Pada halnya banyak maklumat-maklumat yang terperinci tersimpan dalam ingatan individu-individu yang terlibat secara langsung dalam peristiwa-peristiwa berkenaan. Contohnya, maklumat tentang Peristiwa 13 Mei, 1969 dan Chin Peng, projek dokumentasi tokoh Lt.-Gen Dato' Abdullah Shamsudin antara kandungannya banyak maklumat penting yang tidak terdapat dalam mana-mana sumber tertulis yang ada. Lebih banyak lagi maklumat-maklumat penting yang tidak terdapat dalam dokumen tertulis boleh diperolehi sekiranya projek dokumentasi tentang 13 Mei, Insurgensi dan lain-lain peristiwa yang berlaku dilaksanakan.

Kebebasan akhbar, kebebasan mengeluarkan pendapat terus tertekan dengan penggubalan Akta Rahsia Rasmi, Akta Percetakan, Akta Hasutan dan beberapa lagi undang-undang yang menyekat. Hal yang demikian, adalah sukar untuk menghasilkan kajian sejarah yang baik semata-mata berasaskan sumber tertulis yang terdapat. Maka itu adalah perlu dilakukan suatu projek sejarah lisan mendapatkan keterangan daripada mereka yang terlibat dan saksimata kepada peristiwa berkenaan untuk mengisi kekosongan yang terdapat, untuk sumber tambahan, untuk memberi peluang kepada mereka yang terpinggir merakamkan peranan mereka supaya terhasil suatu penulisan sejarah yang menyeluruh dan lebih adil.

- Dalam keadaan tertentu terdapat sumber bertulis yang menimbulkan keraguan dan pandangan sebelah pihak. Sejarah lisan dapat memainkan peranan sebagai sumber tambahan untuk menghasilkan kajian yang mendalam dan mantap.

Sejarah lisan berperanan sebagai pelengkap dan bukan menggantikan sumber tertulis yang terdapat. Dalam keadaan tertentu melalui kaedah perbandingan sejarah lisan boleh menguatkan lagi keterangan dalam sumber tertulis. Sekiranya terdapat keterangan yang bertentangan sejarah lisan memberikan cahaya kepada pengkaji untuk memperbaiki kajiannya. Hakikatnya tidak semua peristiwa penting itu meninggalkan dokumen tertulis, tidak semua yang telah direkodkan itu detail yang sebenarnya. Dalam keadaan tertentu keterangan lisan itu lebih diyakini. Dalam kes perbicaraan pendakwaan terhadap suku Indian yang menduduki Wounded Knee, saksi-saksi pakar memberikan hujah bahawa ingatan kembali terdakwa tentang kedaulatan hak mereka ke atas tanah yang mereka duduki adalah lebih dipercayai dari dokumen kerajaan yang mendakwa mempunyai jurisdiksi ke atas tanah yang dipertikaikan.

- Pendokumentasian Sejarah lisan berperanan sebagai penyelamat dan menyediakan maklumat sejarah yang mungkin tidak dapat diperolehi oleh pengkaji Akan datang.

Memori manusia tentang sesuatu peristiwa yang begitu berkesan dalam hidupnya akan kekal dalam ingatan selagi hayatnya masih ada. Manakala bagi peristiwa yang tidak begitu bererti pada dirinya kadangkala memori itu boleh menjadi semakin lemah semakin usiaseseorang itu meningkat. Setiap kematian pula merupakan kehilangan seorang pengkisah yang berpotensi dan kehilangan keterangan lisan yang mungkin diperlukan dalam peristiwa yang dikaji. Pendokumentasian sejarah lisan sekiranya dilakukan dapat menyelamatkan sumber yang bernilai ini.

Perkembangan teknologi komunikasi kini memberi kesan yang besar kepada kekurangan sumber-sumber sejarah konvensional. Sistem komunikasi yang canggih menyebabkan komunikasi yang berlaku tidak meninggalkan keterangan untuk rujukan para penyelidik. Tradisi menulis surat-surat, menyimpan catatan harian dan persediaan memo yang lengkap sudah menjadi kurang mustahak. Dalam keadaan seperti ini pendokumentasian sejarah lisan boleh menentukan supaya tidak semua perbincangan penting melalui peralatan komunikasi canggih itu hilang sebagai bukti sejarah.

Kebanyakan orang tidak mempunyai kesempatan atau masa untuk menulis tentang memoir mereka sendiri. Tetapi adalah nyata bahawa seseorang itu mempunyai pengalaman yang berlainan dan riwayat hidup mereka dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa sejarah yang penting. Dengan itu secara langsung atau tidak, seseorang itu menjadi pemerhati kepada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. Maklumat-maklumat yang ada pada seseorang seperti ini perlu didapati dengan menggunakan kaedah pendokumentasian sejarah lisan supaya dapat kita memperkayakan warisan sejarah kita. Hasil ini akan menjadi sumber tambahan kepada sumber-sumber terhad yang terdapat seperti rekod-rekod tertulis, surat-surat persendirian, buku-buku catatan harian dan sebagainya.

- Pendokumentasian sejarah lisan dapat menghasilkan sumber yang istimewa kerana dapat menyelami emosi pelaku dalam peristiwa yang dialami.

Di dalam sumber tertulis yang terdapat seorang pengkaji tidak mengetahui emosi pelaku atau saksimata yang terlibat dalam sesuatu peristiwa yang dikaji itu. Berbanding dengan rakaman atau transkrip sejarah lisan pengkaji dapat menyelami emosi mereka secara mendalam

dan membolehkan pengkaji membuat analisis yang lebih adil. Maklumat dari sejarah lisan dapat digunakan untuk mengetahui keadaan, motivasi dan sebab-sebab latarbelakang yang mendorong sesuatu tindakan dilakukan, perasaan mood, kecenderungan pemikiran atau perlakuan masyarakat ketika itu. Maklumat ini tiada dalam sumber tertulis samaada sumber primer atau sumber sekunder. Maklumat ini dapat menambahkan keindahan dan memberi pemahaman tentang sesuatu perkara atau peristiwa, Berdasarkan maklumat yang dikisahkan, kadangkala penyelidik dapat membuat penelahan bahawa sesuatu peristiwa yang telah terjadi mungkin dapat dielakkan. Atau rahsia disebalik apa yang telah berlaku yang mungkin tidak dapat direkodkan atas dasar sensitivity atau penentangan dari pihak-pihak tertentu atau keluarga.

- Kaedah sejarah lisan boleh digunakan untuk merakam dan menyelamatkan tradisi lisan yang semakin hilang.

Di dalam usaha untuk memajukan penulisan sejarah Malaysia tidak semestinya penulisan ditumpukan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa sezaman. Tajuk-tajuk yang bercorak sejarah tempatan dan juga sejarah negeri perlu diberi tempat yang sewajarnya. Tradisi lisan khususnya yang terkawal adalah sumber yang penting bagi mengkaji berbagai aspek sejarah politik, social, ekonomi, perundangan zaman tradisional dan kini. Perkembang tradisi menulis menjadikan sumber ini semakin dilupakan. Tidak ramai di kalangan anggota masyarakat kini yang mengetahui tradisi lisan warisan sejarah masyarakat mereka. Peluang untuk merakamkan warisan ini boleh dilaksanakan melalui kaedah pendokumentasian sejarah lisan.

- Mempelbagaikan sumber dalam usaha memahami dan memelihara warisan negara.
Pendokumentasian sejarah lisan boleh memainkan peranan yang besar di dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah yang sedia terdapat secara langsung memperkaya warisan sejarah.
- Memberi orang ramai peluang untuk mentafsirkan peranan mereka demi mencari kebenaran dalam sejarah.

Adalah sukar bagi seorang pengkaji sejarah untuk mendapatkan sumber tertulis dari masyarakat golongan bawahan kerana sumber tertulis sama ada yang dihasilkan oleh pihak berkuasa atau yang ditinggalkan oleh individu tertentu menumpukan kepada peranan golongan atasan. Golongan pekerja, golongan minoriti dan Orang Asli adalah pelaku sejarah tetapi peranan mereka dalam sejarah negara tidak diketengahkan oleh pengkaji dalam hasil penyelidikan mereka kerana sukar untuk mendapatkan sumber tertulis yang berkaitan. Pengkaji cenderung untuk tidak bersikap adil dalam analisisnya semata-mata bergantung kepada sumber tertulis berkenaan. Setiap peristiwa yang berlaku melibatkan orang ramai tetapi peranan mereka tidak terdapat dalam sumber tertulis yang terdapat. Dokumentasi sejarah lisan di kalangan orang ramai akan membantu penyelidik mencari kebenaran dalam sejarah.

Sejarah Lisan adalah wadah bagi golongan yang menjadi mangsa keadaan melahirkan pengalaman yang mereka lalui. Ini akan menggambarkan sejarah yang sebenar, secara langsung menjadi pengakuan kesilafan dasar yang telah dilaksanakan dan ini akan dapat memberi impak kepada pembuatan dasar yang akan datang.

- Sejarah lisan adalah medium kepada perkembangan sejarah awam.

Seorang yang bergiat dalam pendokumentasian terdedah kepada sumber yang berkaitan semasa membuat penyelidikan latar belakang. Individu juga dapat menilai keterangan *interviewee* atau seorang pengkisah semasa melaksanakan rakaman wawancara dan semasa memproses rakaman. Individu juga mempunyai bahan-bahan seperti gambar dan lain-lain yang terkumpul sebagai sumber sokongan kepada keterangan yang terkandung didalam transkrip. Bahan-bahan yang terkumpul ini adalah kemudahan yang tersedia bagi penulisan kepada interviewer, *interviewee* atau penulis lain yang berminat untuk menghasilkan penulisan.

Pendokumentasian itu secara langsung membantu individu untuk merakamkan perannya dalam peristiwa-peristiwa tertentu atau memoir tentang kehidupan dan perjuangan yang dilaluinya. Dalam penulisan autobiografi atau memoir tokoh mempunyai motif tersendiri. Tokoh cenderung untuk menyembunyikan kelemahannya dan sering pula menonjolkan keegoan diri tentang perannya dalam sesuatu peristiwa. Dalam hal demikian kredibiliti keterangan tokoh yang melalui pendokumentasian sejarah lisan adalah lebih baik berbanding dengan keterangan tokoh didalam memoir atau autobiografi yang ditulisnya.

Cabaran Menggiatkan Pendokumentasian Sejarah Lisan Sebagai Medium Pemuliharaan Sumber Sejarah

Kepentingan pemuliharaan keterangan lisan sebagai sumber sejarah telah lama kita sedari bermula dengan usaha pendokumentasian yang dilaksanakan oleh Arkib Negara, pengenalan kursus yang berkaitan di ITM dan UKM dan sehingga kini terdapat aktiviti pendokumentasian yang dilaksanakan oleh beberapa badan tertentu. Aktiviti pendokumentasian sejarah lisan ini perlu dipergiatkan lagi dikalangan badan-badan lain yang ada kaitan sehingga ke peringkat negeri dan tempatan. Terdapat cabaran dan tuntutan yang perlu diatasi secara tanggungjawab bersama melalui penyelarasan dan perkongsian kepakaran mengikut kemampuan masing-masing. Perkongsian kepakaran adalah paling perlu supaya kegiatan pendokumentasian yang dilakukan dapat menghasilkan rakaman serta transkrip sejarah lisan yang mempunyai nilai sebagai sumber sejarah. Begitu juga dengan keterangan tradisi lisan, tradisi lisan sama ada naratif sejarah, kata perbilangan adalah sumber yang penting bagi kajian sejarah dan institusi politik, system ekonomi, system social dan system perundangan masyarakat tradisional.

Cabaran Terhadap Pemuliharaan Keterangan Lisan Sebagai Sumber Sejarah

- Darjah **kededaran sejarah dikalangan masyarakat masih rendah** menjadikan sejarah lisan masih kurang difahami dalam kalangan masyarakat kita. Keadaan ini akan menimbulkan masalah untuk mendapatkan kerjasama sepenuhnya
- **Kehilangan pelaku serta saksimata**; Lazimnya apabila seseorang pelaku atau saksimata meninggal segala keterangan yang ada pada pengetahuannya akan hilang bersamanya.
- Ketidak tepatan maklumat yang didapati; cabaran ini adalah kerana jarak masa dari peristiwa. Ingatan manusia beransur merosot apabila menjangkau usia yang

lanjut. Kecenderongan *interviewee* condong atau berat sebelah kepada sesuatu pendapat kerana latar belakang ideology atau latar belakang politik dan social.

- **Perkembangan teknologi komunikasi** memberi kesan kepada kehilangan maklumat. Kalau suatu ketika dahulu buku harian, telegram, cipher menjadi sumber yang penting kepada penyelidikan sejarah, kini perhubungan perbincangan adalah melalui telephone, kerap kali melalui sms, catatan appointment dan sebagainya adalah dalam nota elektronik yang kekal buat sementara sahaja. Oleh yang demikian keterangan tertulis adalah semakin berkurangan.
- **Kepupusan pemegang tradisi**
Kemajuan pembangunan yang tercapai sehingga hari ini telah menjadikan tradisi lisan semakin diabaikan dan dilupakan. Tradisi lisan semakin tiada mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat. Mereka yang berperanan sebagai pemegang tradisi semakin hari semakin pupus membawa bersama tradisi lisan yang mereka hafali apabila mereka meninggal dunia.
- **Masalah Kewangan**
Pendokumentasian sejarah lisan memerlukan kewangan untuk memperoleh peralatan yang baik, untuk perbelanjaan penyelidikan, membuat rakaman serta memproses rakaman. Bagi penggiat pendokumentasian kewangan yang mencukupi adalah masalah besar.
- **Kakitangan Terlatih** Dalam Penyelidikan Idealnya Dalam Bidang Sejarah
Mutu hasil sesuatu projek pendokumentasian itu ditentukan oleh penyelidik yang mengusahakannya. Oleh yang demikian kakitangan yang terlatih amatlah diperlukan untuk mencapai objektif pemuliharaan sumber sejarah

Cabaran-cabaran ini perlu ditangani secara kerjasama antara badan-badan yang berkaitan khususnya PSM, Arkib, Museum, Perpustakaan di peringkat nasional, negeri dan tempatan serta mana-mana institusi pengajian tinggi yang berminat. Tindakan bersama ini perlu bukan saja bagi tujuan penyelarasan, perkongsian kepakaran, perkongsian kemudahan, seperti peralatan, pemuliharaan dan penyebaran, bahkan bagi mengatasi masalah kewangan untuk aktiviti projek pendokumentasian badan-badan bukan agensi kerajaan. Sehingga kini belum ada kerjasama di kalangan institusi yang terlibat dalam usaha pemuliharaan sumber sejarah berkenaan. Langkah yang strategic adalah perlu untuk menyemarakkan dan memperkasa program sejarah lisan. Institusi-institusi berkaitan seharusnya mempunyai tanggungjawab bersama bekerjasama saling membantu mendokumentasikan keterangan lisan supaya produk yang terhasil adalah keterangan lisan yang komprehensif dan mempunyai nilai sebagai sumber sejarah. Setiap badan yang terlibat perlu:

- Bekerjasama mewujudkan serta memupuk kesedaran sejarah di kalangan masyarakat.
Masyarakat hari ini terbahagi kepada beberapa golongan yang terdiri daripada golongan elit yang merupakan tokoh dalam pelbagai bidang politik, pentadbir, seni, sukan, akademik, perundangan, perubatan ekonomi serta perniagaan dan lain-lain samaada dari sector awam atau swasta. Golongan kedua adalah bukan elit iaitu orang-orang awam yang mempunyai pengalaman-pengalaman

tertentu dalam sesuatu peristiwa yang berlaku. Masyarakat umumnya perlu sedar keterangan tentang peranan mereka samaada sebagai pelaku atau saksimata merupakan sumber maklumat yang penting kepada sesuatu kajian. Kesedaran sejarah ini penting kerana ia dapat memberikan implikasi yang positif dalam usaha pemuliharaan sumber daripada kehilangan. Kesedaran sejarah ini akan meningkatkan kerjasama sesaorang individu itu dalam usaha pemuliharaan sumber sejarah. Kesedaran sejarah ini akan menjadikan individu berkenaan bersedia untuk melapangkan masa dalam pendokumentasian serta lebih bersedia untuk memberikan apa-apa bahan sebagai sumber sokongan kepada keterangan lisan yang telah diberikan. Dengan demikian pendokumentasian dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan licin lagi.

- Bekerjasama mengkordinasikan projek pendokumentasian yang dijalankan oleh institusi-institusi yang berkaitan.
- Menyediakan, apabila diminta, khidmat nasihat, pandangan dan cadangan yang diperlukan oleh institusi-institusi tentang sesuatu projek pendokumentasian.
- Membantu dalam latihan pendokumentasian.

Objektif projek pendokumentasian sejarah lisan adalah untuk menghasilkan sesuatu dokumen lisan yang mempunyai nilai keilmiahannya sebagai sumber sejarah dalam bentuk rakaman dan transkrip daripada keterangan proto, keterangan saksimata atau keterangan tradisi lisan terkawal.

Pendokumentasian sejarah lisan adalah ujian tentang keupayaan kita sebagai penyelidik, tentang kemampuan mendapatkan keyakinan orang lain untuk memberikan kerjasama mereka dan kemampuan mempertikaikan ingatan mereka secara jujur dan imaginative. Tugas interviewer (pewawancara) adalah membantu *interviewee* (responden atau pengkisah) membuat pengkisahan yang sebaik mungkin tentang peranan *interviewee* dalam tajuk yang dikaji. Tugas ini memerlukan kebolehan istimewa iaitu kepakaran dalam penyelidikan sejarah, kebolehan interviewer mendapatkan keyakinan dan kerjasama *interviewee*, bijak dalam menghidupkan suasana, mahir dalam penggunaan alat, dan kebolehan menggunakan teknik-teknik mewawancara. Ia juga memerlukan kebolehan berinteraksi mendapatkan kerjasama *interviewee* yang datang daripada pelbagai latar belakang. Interviewer bertanggungjawab melengkapkan diri dengan segala kemahiran yang diperlukan termasuk pengetahuan dan kemahiran berinteraksi.

Idealnya seorang ahli sejarah lisan terlatih dalam bidang sejarah. Pengetahuan tentang disiplin sejarah dan sumber bagi penyelidikan sejarah adalah asas dalam tugas pendokumentasian keterangan lisan sebagai sumber sejarah. Seorang yang mempunyai asas dalam penyelidikan sejarah

Untuk menjayakan wawancara perlu mempunyai interviewer yang bukan sahaja dinamik, tetapi juga yang pandai berkomunikasi serta mempunyai ciri yang sesuai. Mengetahui teknik wawancara yang sesuai seperti teknik pengkisahan, teknik hard talk, teknik Larry King Live, teknik pimpong, teknik pemberita, teknik *interrogator* dan sebagainya. Tidak ramai individu yang mempunyai sifat begini, tetapi latihan dapat menjayakannya,

Rakaman wawancara atau pengkisahan perlu diproses untuk dijadikan transkrip sejarah lisan. Penilaian adalah perlu bagi menentukan samaada rakaman tersebut mengandungi maklumat seperti yang dikehendaki atau tidak. Ahli sejarah lisan akan mengenalpasti dan

menganalisisnya secara sistematik dan teliti mengikut konteks sejarah. Pemerosesan ini meliputi penyalinan dari lisan kepada tulisan; sunting dengar auditing; penyuntingan editing, meliputi penggunaan tanda-tanda surat, pembahagian perenggan dan tajuk-tajuk yang sesuai; penyemakan bersama bagi keterangan yang kurang jelas serta pembetulan dan penambahan maklumat; disertakan dengan pengenalan dan lampiran-lampiran yang perlu sekiranya terdapat bagi bahan sokongan (koleksi gambar, biodata diri, catatan-catatan tertulis, dll seperti objek) kepada keterangan lisan berkenaan.

- Mengadakan perkongsian dalam pemuliharaan; dan
- Membantu dalam penyebaran (dessimation).

Peranan PSM Sebagai Penggerak Utama

Telah tiba masanya masyarakat kita yang kini sedang digalakkan berlumba-lumba mengejar ilmu pengetahuan supaya mengetahui, bekerjasama dalam program sejarah lisan dan seterusnya menggunakannya mengikut kesesuaian. Cabaran utama, siapakah yang perlu mengambil langkah yang strategic dan mempunyai kesinambungan untuk menyemarakkan dan memperkasa program sejarah lisan pada peringkat nasional, negeri dan tempatan. Bagi memenuhi tuntutan ini PSM telah menubuhkan Jawatankuasa Sejarah Lisan dengan visi, misi dan objektif berikut:

VISI:

- Menjadikan PSM sebagai pusat pengembangan dan rujukan sumber sejarah lisan.
- Memperkasakan PSM sebagai institusi yang menjadi penggerak utama dalam memertabat dan memasyarakatkan sejarah melalui penyelidikan pendokumentasian, penulisan dan penyebaran.
- Meningkatkan peranan PSM sebagai perujuk berwibawa tentang sejarah negara dan wilayah sekitarnya.

MISI

- Menyelamatkan sumber sejarah daripada lenyap atau hilang daripada lipatan sejarah.
- Menghasilkan dokumen sejarah daripada keterangan lisan yang bernilai.
- Memberi khidmat nasihat kepakaran dalam latihan, panduan serta penentuan tentang projek-projek sejarah tempatan yang relevan kepada seluruh cawangan PSM, dan mana-mana institusi yang memerlukan melalui bengkel dan seminar.
- Meningkatkan aktiviti penyelidikan, penulisan dan penerbitan sebagai aktiviti PSM yang berterusan.

OBJEKTIF

- Mendokumen pengalaman dan kenangan tokoh-tokoh yang terlibat dalam peristiwa sejarah.
- Memelihara dan menyebarkan rakaman dan transkrip sejarah lisan.

- Membantu tokoh-tokoh yang tiada berkemampuan atau berkesempatan untuk merakamkan pengalaman masing-masing.
- Mengisi kekosongan dalam sumber bertulis dan elektronik.
- Menjadikan hasil kajian sebagai sumber rujukan.
- Menjadikan PSM sebagai pusat jaringan maklumat atau perkongsian maklumat.
- Menghasilkan penulisan sejarah.

Lokakarya JKE PSM yang telah berlangsung pada 28-29 September, 2013 menjelaskan komitmennya untuk meneraju:

- PSM sebagai badan penggiat utama aktiviti kesejarahan di peringkat kebangsaan dan di negeri-negeri⁷
- PSM akan memantapkan daya usaha membangkitkan semangat volunterisme sebagai asas dalam melatih tenaga-tenaga pelapis yang akan menjadi pewaris yang tebal dengan nilai-nilai teras persatuan untuk menjadi penerus perjuangan dan kelangsungan PSM sebagai sebuah badan sejarah yang komited kepada misi dan visi perjuangannya.
- PSM akan mengukuhkan pelaksanaan program-program berbentuk kolaborasi dengan pelbagai agensi dan institusi lain dalam usaha untuk memantapkan peranan dan profesionalisme PSM sebagai badan penggiat utama dan pengajur kegiatan sejarah
- PSM akan memperkemas program outreachnya dalam usaha untuk meningkatkan kesampaian segala program yang dianjurkannya bagi membolehkan masyarakat menerima dan menggunakan maklumat-maklumat berkaitan sejarah.

Strategi dan Tindakan

- Menyediakan manual panduan pendokumentasian sejarah lisan
- Melaksanakan projek contoh pendokumentasian.

Mewujudkan kerjasama dengan badan-badan yang berkaitan terutamanya agensi-agensi kerajaan seperti, Arkib Negara dan Arkib Cawangan, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Negeri; dan juga kerjasama dengan Muzium Angkatan Tentera dan Muzium Polis Diraja bagi pendokumentasian bagi sejarah pasukan dan battalion, tokoh-tokoh pegawai dan anggota dalam gerakan operasi tertentu. Penerima Pingat Military Cross, PGB. Mangsa-mangsa yang hilang keupayaan kerana kecacatan yang dialami. Dengan ini masyarakat akan mengetahui pengorbanan pasukan ATM dan akan dapat memahami
Adalah diharapkan sebagai agensi kerajaan badan-badan ini perlu mengambil langkah strategic dan rasmi dengan menyediakan unit, kakitangan dan peruntukan kewangan masing-masing.

7 Resolusi Lokakarya Jawatankuasa Eksekutif PSM, 28-29 Sept. 2013, Port Dickson.

- Mengadakan bengkel untuk bimbingan pendokumentasian serta bimbingan mengenalpasti prospektif projek pendokumentasian.
- Membentuk system penyelarasan pusat supaya dapat menselaraskan projek dokumentasi. Badan-badan pusat akan menumpukan kepada projek dokumentasi tokoh dan peristiwa Negara, badan-badan negeri menumpukan kepada projek dokumentasi tokoh dan peristiwa negeri dan tempatan. Manakala Muzium Angkatan Tentera dan Muzium Polis akan menumpukan kepada segala peristiwa dan tokoh yang berkaitan dengan pasukan masing-masing. Pada masa yang sama projek dokumentasi bersama akan dilaksanakan bagi tajuk-tajuk yang memerlukan
- Mewujudkan kerjasama system penyimpanan dan system penyebaran secara berkesan. Penjagaan keatas rakaman, transkrip asal dan segala sumber sokongan yang dihidiahkan oleh *interviewee* seperti gambar, catatan harian, surat-surat, koleksi potongan berita, keratan akhbar dan sebagainya memerlukan tempat yang sesuai untuk penyimpanan serta penjagaan. Kerjasama Arkib Negara adalah diperlukan untuk tujuan ini. Bahan-bahan berkenaan termasuk transkrip asal perlu berada dalam simpanan Arkib Negara. Hanya salinan dari yang original berada dalam simpanan institusi yang melaksanakan pendokumentasian berkenaan.

Kerjasama antara institusi juga perlu bagi penyebaran kepada penyelidik untuk menggunakan sumber berkaitan. Kaedah biasa dalam penyebaran ialah menyediakan pandu cari finding aids untuk memudahkan proses mendapatkan maklumat. Contoh-contoh pandu cari yang boleh disediakan ialah indeks, jadual kandungan dan catalog. Dengan demikian pihak awam mengetahui tentang adanya sumber ini dalam koleksi sesebuah repositeri .

Kecenderungan kepada sejarah lisan bukan lagi tertumpu kepada bidang sejarah sahaja, tetapi dalam bidang-bidang lain untuk mendapatkan sumber-sumber maklumat yang berkaitan. Ini menunjukkan bahawa sejarah lisan sebagai ekspresi mengandungi maklumat yang kaya, yang masih tersimpan pada individu dan sepatutnya diterokai secara sistematik dan saintifik. Yang demikian , pendokumentasian seharusnya dianggap sebagai tanggungjawab yang sangat penting dan tidak hanya tertumpu kepada golongan cendekiawan sahaja kerana ia memberi kesan kepada penyediaan sumber dokumen yang baik tentang maklumat mengenai aspek-aspek kebudayaan yang masih tidak terdapat dalam bentuk penulisan.

Kesimpulan

Sejarah lisan turut menyumbang kepada penganalisan yang lebih tepat serta memantapkan kedudukan sejarah sebagai ilmu terapan yang mampu berperanan dalam menyelesaikan permasalahan praktis secara berkesan. Kepentingan ini disedari di kebanyakan negara maju dengan berbagai program yang dilaksanakan oleh badan-badan tertentu di peringkat pusat, negeri dan tempatan. Kepentingan ini juga disedari di negara kita tetapi kemajuannya tidak seperti pencapaian negara maju bahkan agak jauh kebelakangan dari apa yang telah dilaksanakan di Singapura. Walau pun kita agak ketinggalan kerana pelaku dan saksi mata dalam peristiwa-peristiwa utama seperti rundingan pencapaian kontrak sosial dan lain-lain peristiwa penting yang telah lama berlalu, namun pendokumentasian maklumat-maklumat yang masih terselamat perlu diusahakan. Semua keterangan lisan tentang apa jua peristiwa

sejarah yang berlaku perlu didokumentasikan demi untuk kepentingan sejarah. Semua ini adalah sumber sejarah yang penting untuk penyelidikan bagi memantapkan sejarah sebagai panduan kepada dasar-dasar Negara. Justru terdapat tuntutan memperkasakannya supaya ia sentiasa berkembang subur, dan tidak berada dalam keadaan seperti yang terdapat pada hari ini. PSM kini berusaha memainkan peranan sebagai penggerak utama demi kepentingan memantapkan sejarah sebagai ilmu terapan serta memperkembangkan sejarah awam di kalangan masyarakat.